



WEALTH MANAGEMENT DEPARTMENT
MBSB BANK BERHAD

No. Pendaftaran/Registration No.: 200501033981 (716122-P)

Wisma MBSB, 48, Jalan Ampang, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur

Tel: 03 – 2096 3000 Fax: 03 – 2096 3292

Website: www.mbsbbank.com E-mail: wealthmanagementdepartment@mbsbbank.com

Pelan Takaful ini diunderaitkan oleh: / This Takaful plan is underwritten by:



AIA PUBLIC Takaful Bhd. (935955-M)

99 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

Careline : 1 300 88 8922

F : 03-2056 3690

E : my.customer@aiapublic.com.my

AIAPUBLIC.COM.MY

AIA PUBLIC Takaful Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. / **AIA PUBLIC Takaful Bhd.** is licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.



For more information, kindly contact:
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



A-SME Platinum-i



PERLINDUNGAN UNTUK PEKERJA-PEKERJA ANDA

Menarik, memotivasi dan mengekalkan pekerja yang baik adalah satu cabaran kepada mana-mana organisasi. Pekerja anda merupakan penggerak di belakang perniagaan anda dan sebagai majikan yang bertanggungjawab, adalah penting bagi anda untuk menjaga kesejahteraan mereka. Sertai *A-SME Platinum-i* dan anda boleh memastikan kebajikan pekerja anda akan dijaga dengan baik.

Tertakluk pada terma dan syarat



03-2096 3000



www.mbsbbank.com

MBSB Bank Berhad
No. Pendaftaran: 200501033981 (716122-P)

A-SME Platinum-i

Penjagaan • Perlindungan



A-SME Platinum-i direka bagi menguruskan pelan faedah pekerja dalam perusahaan kecil dan sederhana; terutamanya untuk 5-150 orang pekerja. Ia adalah pusat bagi semua keperluan faedah pekerja anda, menyediakan perlindungan untuk keadaan yang tidak dijangka seperti kematian/kehilangan upaya, Penyakit Kritikal dan kos perubatan yang semakin meningkat.

Mengapa A-SME Platinum-i?

✓	Pelan Faedah Pekerja direka khas untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana
✓	Akses ke Penjagaan Perubatan Tanpa Bayaran Tunai bagi penjagaan Pesakit Luar GP
✓	Pengeluaran Surat Jaminan untuk kemasukan ke hospital – perkhidmatan pilihan
✓	Rangkaian Penyedia Perubatan di Seluruh Negara – akses mudah, pilihan & selesa
✓	24 Jam Pusat Panggilan – hanya satu panggilan
✓	Reka Bentuk Pelan yang Fleksibel – pilihan untuk perlindungan perubatan dan Takaful

Faedah Asas Takaful Penghospitalan & Pembedahan Berkumpulan (GHS) Kemasukan ke Hospital

Lindungi para pekerja anda dengan menyediakan pelan lengkap kemasukan hospital. Dengan pelan ini, mereka dijamin perlindungan perubatan yang mencukupi di masa ianya diperlukan.

Terdapat 6 pelan yang menarik dengan had-had keseluruhan tahunan dari RM 20,000 hingga ke RM 200,000. Ia memberikan anda pilihan untuk menyediakan pelan yang paling sesuai dengan pekerja anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk menyediakan perlindungan kemasukan ke hospital untuk tanggungan¹ pekerja.

Faedah Asas Takaful Bertempoh Berkumpulan (GTT) Faedah Takaful

Faedah ini menyediakan perlindungan kewangan kepada pekerja anda sekira berlakunya kematian yang tidak dijangka. Syarikat yang mempunyai bilangan pekerja di antara 11-150 orang akan diberi Had Tanpa Bukti sebanyak RM 200,000 tanpa perlu melengkapkan Borang Perakuan Kesihatan Peribadi (Borang C).

Kehilangan Upaya Kekal Menyeluruh

Sekiranya pekerja kehilangan upaya disebabkan oleh kecederaan atau penyakit, bayaran ganti rugi daripada faedah ini akan mengurangkan beban kewangan yang ditanggung pada masa tersebut.

Kehilangan Upaya Kekal Sebahagian

Ganti rugi akan dibayar mengikut Skala Pampasan seperti yang dinyatakan di bawah Jadual Faedah sekiranya berlaku kehilangan upaya kekal sebahagian yang disebabkan oleh penyakit atau kemalangan.

Penyakit Terminal

Pampasan akan dibayar sekiranya pekerja meninggal dunia disebabkan oleh Penyakit Terminal yang dihadapi dalam tempoh masa 12 bulan.

Perbelanjaan Penghantaran Pulang

Meliputi perbelanjaan untuk pengangkutan jenazah balik ke Negara Asal jika kematian berlaku semasa Ahli yang Dilindungi berada di luar Malaysia.

¹ *Tanggungjawab bermaksud pasangan dari perkahwinan yang sah, dan anak-anak yang sah yang sudah mencapai umur 15 hari dan belum berkahwin, yang bergantung kewangan dengan Ahli yang Dilindungi dan dibawah umur 19 tahun, atau berumur sehingga 23 tahun jika berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pengajian yang sah.*

Faedah Pilihan Takaful Penghospitalan & Pembedahan Berkumpulan (GHS)

Penjagaan Pesakit Luar

Rider ini menyediakan 2 pilihan untuk perlindungan perubatan pesakit luar bagi kedua-dua Klinik Panel GP dan Pakar. Dengan menyertai rider ini, pekerja anda (dan tanggungannya, jika ada) akan menerima kemudahan bagi kemasukan ke penjagaan perubatan pesakit luar yang berkualiti. Berserta dengan pelan kemasukan ke hospital, pekerja anda akan menikmati perlindungan penjagaan kesihatan yang komprehensif.

Faedah Pilihan Takaful Bertempoh Berkumpulan (GTT)

Penyakit Kritikal

Penyakit yang serius boleh menyebabkan kesulitan kewangan. Dengan diagnosis Penyakit Kritikal, ganti rugi akan dibayar. Ini akan membantu mengurangkan beban kewangan.

Faedah Pilihan Takaful Penghospitalan & Pembedahan Berkumpulan (GHS) atau Takaful Bertempoh Berkumpulan (GTT)

Saringan Eksekutif

Sekarang anda mempunyai peluang untuk menyediakan faedah tambahan tahunan kepada pekerja anda. Penyaringan kesihatan ini merupakan langkah pencegahan, menyediakan maklumat perubatan yang munasabah untuk fokus terbaik bagi kesihatan.

Nota: Hanya 1 pakej Penyaringan Eksekutif bagi setiap pekerja boleh dibeli dengan Faedah GHS dan/atau GTT.

Ciri-Ciri

Akses ke Penjagaan Perubatan tanpa Bayaran Tunai

Perlindungan penjagaan perubatan pesakit luar tanpa bayaran tunai kepada Ahli/tanggungannya yang Dilindungi di mana-mana klinik Panel GP kami di seluruh negara. Dengan menunjukkan Kad ID Ahli AIA PUBLIC berserta dengan kad pengenalan, Ahli/Tanggungannya yang Dilindungi akan menikmati kemudahan akses mudah ke penjagaan pesakit luar.

Semasa kemasukan ke hospital, Ahli/tanggungannya yang Dilindungi akan terus menikmati kemudahan tanpa bayaran tunai kerana AIA PUBLIC menyediakan perkhidmatan mengeluarkan Surat Jaminan (SJ) kepada Hospital. Perkhidmatan SJ ini adalah pilihan dan disediakan untuk caruman yang lebih tinggi serta tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat.

Rangkaian Perubatan

Nikmati sokongan perubatan yang meluas daripada rangkaian klinik panel GP kami, yang strategik di seluruh negara. Rangkaian kami yang meluas, menawarkan akses mudah, pelbagai pilihan dan keselesaan. Rangkaian perubatan kami juga merangkumi semua hospital besar di seluruh negara.

Pusat Panggilan 24 Jam

Bagi pelanggan kami yang telah mendaftar dengan Faedah Hospital beserta dengan pilihan Surat Jaminan (SJ), sila hubungi Careline kami di 1300 88 8933, jika anda memerlukan SJ untuk kemasukan hospital.

Jenis Pelan yang Fleksibel

Pilih pelan perlindungan GHS dan GTT yang ditawarkan, pelan yang memenuhi keperluan dan mengikut kemampuan anda.

Pemindahan Perubatan Kecemasan

Meliputi Ahli yang Dilindungi semasa dalam perjalanan ke luar negara. Jika berlaku apa-apa kecederaan serius atau penyakit di luar negara, AIA Services (AIAS) boleh menguruskan dan membayar untuk Pemindahan Perubatan Kecemasan, yang meliputi pengangkutan, perkhidmatan perubatan dan bekalan perubatan perbelanjaan, ke kemudahan perubatan yang terdekat.

Jadual Faedah-Faedah Asas

GHS : Kemasukan Ke Hospital - ASAS		Pelan 500 (RM)	Pelan 350 (RM)	Pelan 230 (RM)	Pelan 160 (RM)	Pelan 120 (RM)	Pelan 80 (RM)
1)	Penjagaan dalam hospital						
1.1	Bilik Hospital & Makanan						
	i) Bilik Biasa (faedah maksimum harian) (maksimum sehingga 180 hari setiap kehilangan upaya)	500	350	230	160	120	80
	ii) Penjagaan Unit Rawatan Rapi (maksimum sehingga 30 hari setiap kehilangan upaya)	Seperti yang dicaj					
1.2	Bekalan dan Perkhidmatan Hospital						
1.3	Yuran Pembedahan						
1.4	Yuran Pakar Anaestesia						
1.5	Caj Bilik Pembedahan						
1.6	Lawatan Doktor Dalam Hospital (maksimum sehingga 180 hari setiap kehilangan upaya)	200					
1.7	Elaun Tunai Harian Hospital Kerajaan Malaysia (maksimum sehingga 180 hari setiap kehilangan upaya)						
2)	Penjagaan Ambulatori						
2.1	Perkhidmatan Sebelum Pembedahan/Dignosis Perubatan (dalam tempoh 60 hari)	Seperti yang dicaj					
2.2	Perkhidmatan Sebelum Pembedahan/Perubatan (dalam tempoh 60 hari)						

GHS : Kemasukan Ke Hospital - ASAS		Pelan 500 (RM)	Pelan 350 (RM)	Pelan 230 (RM)	Pelan 160 (RM)	Pelan 120 (RM)	Pelan 80 (RM)
2.3	Pendapat Kedua Pembedahan	Seperti yang dicaj					
2.4	Rawatan Selepas Keluar Hospital (maksimum sehingga 60 hari setiap kehilangan upaya selepas keluar dari hospital)						
2.5	Rawatan Kecemasan Kemalangan Pesakit Luar (dalam tempoh 24 jam sehingga 60 hari)						
2.6	Rawatan Pergigian Akibat Kemalangan (dalam tempoh 24 jam sehingga 14 hari)						
2.7	Prosedur Penjagaan Harian (Pembedahan/Perubatan)						
2.8	Yuran Ambulans						
2.9	Bayaran Balik Yuran Laporan Perubatan						
2.10	Terapi Rehabilitasi Pesakit Luar, Kimoterapi, Terapi Radiasi dan Dialisis Buah Pinggang	Seperti yang dicaj					
Had Maksimum Keseluruhan bagi Kemasukan ke Hospital Kerajaan Malaysia (Tidak tertakluk kepada apa-apa had kecuali had Bilik & Makanan dan had maksimum keseluruhan setahun)		200,000	150,000	75,000	45,000	25,000	20,000
Had Keseluruhan (setiap tahun sijil)		200,000	150,000	75,000	45,000	25,000	20,000
3)	Elaun Ehsan	10,000					

Nota:

- Had Keseluruhan – Faedah maksimum yang dibayar dalam tempoh tahun Sijil tanpa mengambil kira bilangan kehilangan upaya.
- Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi huraian faedah-faedah yang lebih terperinci.
- Sekiranya manfaat dilindungi di bawah Sijil ini adalah tertakluk kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), manfaat yang perlu dibayar akan termasuk jumlah GST yang perlu dibayar bagi manfaat tersebut.

Jadual Faedah-Faedah Asas

GTT : ASAS ²		Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)	Pelan 6 (RM)	Pelan 7 (RM)
1	Kematian (semua sebab)	300,000	250,000	200,000	150,000	100,000	50,000	20,000
2	Kehilangan Upaya Kekal Menyeluruh (KUKM) (semua sebab)	300,000	250,000	200,000	150,000	100,000	50,000	20,000
3	Kehilangan Upaya Kekal Sebahagian (KUKS) (semua sebab - seperti Skala Pampasan di bawah)	300,000	250,000	200,000	150,000	100,000	50,000	20,000
4	Penyakit Membawa Maut (PMM)	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	50,000	20,000

² Tertakluk kepada Terma dan Syarat

Had Tanpa Bukti (HTB) 11-150 pekerja: RM200,000

Pengecualian : GTT/KUKM/KUKS: 5-50 pekerja tertakluk kepada 12 bulan syarat-syarat pra-wujud

: KUKM/KUKS: 51-150 pekerja tertakluk kepada 12 bulan syarat-syarat pra-wujud

	Kehilangan Upaya Kekal Sebahagian Skala Pampasan	Peratus daripada Jumlah Takaful
1	Kehilangan kekal penglihatan kedua-dua mata	100%
2	Kehilangan kekal penglihatan sebelah mata	100%
3	Kehilangan atau Kehilangan Kekal Menyeluruh penggunaan dua anggota badan	100%
4	Kehilangan atau Kehilangan Kekal Menyeluruh penggunaan satu anggota badan	100%
5	Kehilangan suara dan pendengaran	100%
6	Tidak siaman yang kekal dan tidak boleh diubati	100%
7	Lumpuh yang kekal dan tidak boleh diubati semua anggota	100%
8	Kehilangan Kekal Menyeluruh bagi pendengaran	
	<i>Kedua-dua belah telinga</i>	75%
	<i>Sebelah telinga</i>	25%
9	Kehilangan pertuturan	50%
10	Hilang penglihatan kekal kanta sebelah mata	50%
11	Kehilangan atau Kehilangan Menyeluruh kegunaan empat jari dan ibu jari	
	<i>Tangan kanan</i>	70%
	<i>Tangan kiri</i>	50%
12	Kehilangan atau kehilangan Menyeluruh kegunaan empat jari	
	<i>Tangan kanan</i>	40%
	<i>Tangan kiri</i>	30%

	Kehilangan Upaya Kekal Sebahagian Skala Pampasan	Peratus daripada Jumlah Takaful
13	Kehilangan atau Kehilangan Kekal Menyeluruh penggunaan satu ibu jari	
	<i>Kedua-dua ruas kanan</i>	30%
	<i>Satu ruas kanan</i>	15%
	<i>Kedua-dua ruas kiri</i>	20%
	<i>Satu ruas kiri</i>	10%
14	Kehilangan atau Kehilangan Kekal Menyeluruh penggunaan jari	
	<i>Tiga ruas kanan</i>	10%
	<i>Dua ruas tangan</i>	7.5%
	<i>Satu ruas kanan</i>	5%
	<i>Tiga ruas kiri</i>	7.5%
	<i>Dua ruas kiri</i>	5%
	<i>Satu ruas kiri</i>	2%
15	Kehilangan atau Kehilangan Kekal Menyeluruh penggunaan ibu jari kaki	
	<i>Semua – kedua-dua kaki</i>	15%
	<i>Ibu jari, kedua-dua ruas</i>	5%
	<i>Ibu jari, satu ruas</i>	3%
	<i>Selain ibu jari, jika lebih daripada satu jari kaki, setiap satunya</i>	1%
16	Patah kaki atau patella yang tidak kukuh dan bersatu	10%
17	Memendekkan kaki sekurang-kurangnya 5sm	7.5%

Nota: Di mana Ahli yang Dilindungi adalah kidal, peratusan berkaitan lengan kanan hendaklah digunapakai untuk lengan kiri dan sebaliknya.

Jadual Faedah-Faedah Asas

	GHS : Pesakit Luar GP & Pakar - PILIHAN	Pilihan 1 (RM)	Pilihan 2 (RM)
1	Penjagaan Pesakit Luar GP		
	i) Lawatan ke Klinik Panel GP	Tanpa bayaran tunai	Tanpa bayaran tunai
	ii) Lawatan Kecemasan ke Klinik Bukan Panel	Seperti yang Dicaj	Seperti yang Dicaj
	iii) Pap Smear di Klinik Panel GP sahaja (maksimum sekali setiap tahun Sijil)	Seperti yang Dicaj	Seperti yang Dicaj
	iv) Perlindungan Luar Negara ³	40	40
2	Penjagaan Pakar Pesakit Luar		
	i) Lawatan Pakar – Dengan rujukan daripada Klinik Panel GP	Berasaskan Bayaran Balik	Berasaskan Bayaran Balik
3	Perkhidmatan Diagnostik Pesakit Luar	Had Keseluruhan 1,500 (setiap tahun Sijil)	Had Keseluruhan 1,000 (setiap tahun Sijil)
	i) Dengan rujukan daripada Klinik Panel GP atau Pakar		
	ii) Perlindungan Luar Negara ³	150	150

³ Perlindungan luar negara GP terhad kepada RM40 setiap lawatan dan perlindungan luar negara Pakar terhad kepada RM150 setiap lawatan, termasuk semua bayaran sampingan.

	GTT Penyakit Kritikal (PK) - PILIHAN	Jumlah yang Dilindungi (RM)
1	Penyakit Kritikal	Bayaran sekali gus sebanyak 50% daripada Jumlah Asas yang Dilindungi setelah didiagnosiskan dengan Penyakit Kritikal.
	Penyakit Kritikal yang Dilindungi	
1)	Strok/Angin Ahmar – <i>mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan</i>	5) Penyakit Arteri Koronari Serius
2)	Kanser – <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i>	6) Angioplasti Dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari
3)	Serangan Jantung – <i>keterukan tertentu</i>	7) Pembedahan Injap Jantung
4)	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	8) Hepatitis Viral Fulminan
		9) Kegagalan Hati Tahap Akhir
		10) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – <i>keterukan tertentu</i>
		11) Penyakit Paru-paru Tahap Akhir

	Penyakit Kritikal yang Dilindungi	
12)	Kegagalan Buah Pinggang – <i>memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang</i>	26) Penyakit Parkinson – <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
13)	Pembedahan Aorta	27) Penyakit Membawa Maut
14)	Anemia Aplastik Kronik – <i>mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang</i>	28) Ensefalitis – <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
15)	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang	29) Tumor Otak Benign – <i>keterukan tertentu</i>
16)	Buta – <i>Kekal dan Tidak boleh Pulih</i>	30) Trauma Kepala Major (teruk) – <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
17)	Pekak – <i>Kekal dan Tidak boleh Pulih</i>	31) Meningitis Bakteria – <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
18)	Hilang Keupayaan Bertutur	32) Pembedahan Otak
19)	Koma – <i>mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan</i>	33) Penyakit Sistik Medular
20)	Kelecuran Tahap Ketiga – <i>keterukan tertentu</i>	34) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
21)	Sklerosis Multipel	35) Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
22)	Kelumpuhan Anggota	36) Kardiomiopati – <i>keterukan tertentu</i>
23)	Distrofi Otot	
24)	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	
25)	Penyakit Neuron Motor – <i>defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan</i>	

	GHS atau GTT - Saringan Eksekutif (SE)	RM
1	Saringan 18KS Ujian Komprehensif darah dan air kencing menguji profil 41 jenis penyakit (maksimum sekali setiap tahun Sijil)	Tanpa Bayaran Tunai

Pengecualian-pengecualian dan Had-had

Faedah GHS (Penjagaan Kemasukan ke Hospital & Pesakit Luar)

Tiada bayaran faedah akan dibuat bagi sebarang perkhidmatan, produk atau keadaan atau kecederaan yang berpunca dari berikut:

1. Pembedahan plastik/kosmetik atau rawatan termasuk (tetapi tidak terhad kepada) sebagai contoh kelopak mata ganda, jerawat, keloid, bekas luka, tag kulit, alopesia disebarkan/kehilangan rambut, dan lain-lain, atau untuk rawatan komplikasi.
2. Penjagaan dan rawatan yang berbentuk eksperimen, siasatan atau perkhidmatan yang tidak disahkan dan tidak sesuai dengan standard profesional dan/atau tidak merupakan keperluan perubatan. Pengecualian ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) terapi seperti:
 - rawatan sel stem, latihan berkaitan dan setiap komplikasi yang timbul selepas itu,
 - jaminan darah,
 - terapi hormon dan terapi penggantian hormon kecuali pembedahan induksi putus haid.
 - rawatan pendedahan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
3. Rawatan bagi kecederaan yang dialami ketika melakukan jenayah atau feloni, atau semasa dalam pengaruh alkohol, atau bahan pengkhayal minda atau bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan tubuh badan yang disengajakan pada masa siuman atau tidak siuman.
4. Sebarang rawatan, perkhidmatan dan bekalan untuk program pemberhentian merokok dan rawatan yang berkaitan dengan penyalahgunaan bahan seperti alkohol, narkotik dan sebagainya.
5. Penjagaan juruwarat persendirian, sebarang penjagaan rapi atau dipanggil ke rumah yang diupah oleh Ahli yang Dilindungi atau rawatan dari pusat rehat atau pusat rawatan persendirian untuk tujuan penyembuhan.
6. Mekanikal atau kaedah kimia untuk kawalan kelahiran kontraseptif atau rawatan berkaitan kemandulan. Disfungsi seksual atau ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.
7. Pemeriksaan dan rawatan yang berkaitan dengan kehamilan, termasuk melahirkan, kehamilan ektopik dan vesikular Mole dan semua komplikasi yang timbul daripadanya. Bagaimanapun, pengecualian ini tidak digunapakai sekiranya keguguran di bawah 28 minggu yang disebabkan oleh kemalangan di bawah perlindungan Pelan Kesihatan Kumpulan, tetapi tertakluk kepada had bagi perlindungan ini. Walau bagaimanapun, jika Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan Faedah Bersalin, had perlindungan adalah tertakluk kepada had-had faedah masing-masing.
8. Pembedahan pertukaran jantina dan terapi hormon seks berkaitan pembedahan seumpama itu.
9. Berkhatan kecuali perubatan diperlukan untuk rawatan penyakit.

10. Keadaan yang berkaitan dengan penyakit berjangkit seksual, AIDS dan Kompleks Berkaitan AIDS atau sekuelnya, dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
11. Terapi alternatif seperti (tetapi tidak terhad kepada) Akupunktur, Kiropraktik, Osteopati, Refleksologi, Bonesetting, Urut, Terapi Aroma, Herba, Podiatrik, Konsultasi Dietik dan rawatan, perkhidmatan pengajaran/rawatan dan Perubatan Komplementari Tradisional dan sebagainya.
12. Vitamin, Makanan Suplemen, Perubatan Herba, Anti Obesiti/Agen Pelangsingan, Pelincir Mata dan sebarang suplemen atau ubat-ubatan yang boleh didapati di kaunter atau bekalan perubatan yang ditetapkan dan tidak ditetapkan untuk pesakit luar.
13. Sabun, Syampu, Pembersih, Krim Vitamin, Salap Vitamin, Pelembab, Pelincir, Anti-Penuaan, Rawatan Pemutihan dan sebarang produk mempunyai kesan yang serupa.
14. Gangguan psikotik, mental atau saraf dan keadaan tingkahlaku termasuk neurosis dan manifestasi fisiologikal atau psikosomatik.
15. Setiap rawatan atau penilaian bagi penyakit semula jadi (sejak lahir), penyakit keturunan atau penyakit perkembangan, kecacatan dan sebarang kehilangan upaya atau komplikasi yang timbul daripadanya termasuk tetapi tidak terhad kepada sist dermoid, hernia kanak-kanak/hidrokel (semua jenis hernia sehingga usia enam tahun adalah tidak dilindungi), kaki tombol, cacat septum ventrikel (VSD), cacat atrium septal (ASD), Thalasemia, mata juling, Hemangioma, Perubatan Komplementari Tradisional dan lain-lain.
16. Penyakit atau kehilangan upaya bayi baru lahir yang berlaku semasa dalam kandungan atau semasa kelahiran atau dalam tempoh empat belas (14) hari pertama selepas dilahirkan.
17. Ujian alahan – darah/topikal termasuk ujian tampalan.
18. Kemasukan hospital untuk tujuan penyiasatan, pemeriksaan fizikal rutin, pemeriksaan kesihatan, rawatan pencegahan dan ujian diagnostik yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis kehilangan upaya yang dilindungi.
19. Terapi pertuturan dan pemulihan anggota yang bukan merupakan sebahagian daripada program rehabilitasi setelah keluar dari hospital disebabkan trauma, kecuali yang merupakan rawatan susulan bagi kehilangan upaya pesakit dalam hospital dan tertakluk kepada had-hadnya.
20. Sebarang rawatan pembetulan untuk pembiasan yang tidak betul termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut seperti Ortopik, stimulasi visual, Radikal Keratotomi, Lasik, Intralase, Xyoptics, implan phacik IOL atau pembedahan penggantian lensa intra-okular.

Pengecualian-pengecualian dan Had-had

21. Semua pembetulan kacamata atau kanta lekap, kecuali kanta intraocular monofocal dalam pembedahan katarak.
22. Rawatan pergigian termasuk:-
- Sebarang rawatan atau pembedahan pergigian kecuali apabila diperlukan disebabkan kecederaan yang diperolehi dalam kemalangan. Walaubagaimanapun, ia tidak termasuk penggantian gigi asli, penggantian gigi palsu dan perkhidmatan gigi palsu seperti bridges dan penggantian "Crown" bagi kes-kes Kecederaan Akibat Kemalangan.
 - Pembedahan tulang rahang atas dan bawah kecuali rawatan secara langsung untuk kecederaan traumatic atau kanser.
 - Pembedahan orthognathic, penyelarasan rahang atau rawatan untuk sendi temporomandibular.
23. Penggunaan atau perolehan semula peralatan luaran (misalnya anggota palsu, alat bantuan pendengaran, kebok aero dan peralatan bagi penebualan, tekanan saluran hawa positif terus-menerus (CPAP), alas ortopedik) dan kos sewa peralatan tersebut kecuali semasa berada dalam hospital di bawah perlindungan Pelan Kesihatan Kumpulan tetapi tertakluk kepada had-hadnya.
24. Kesan daripada radiasi atau pencemaran radioaktif daripada sebarang sumber.
25. Peperangan, rusuhan, penentangan, pemberontakan, kekacauan awam, letupan senjata peperangan, aktiviti berhubung dengan keganasan, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, peperangan nuklear, peperangan/aktiviti biologi kimia.
26. Perkhidmatan bukan perubatan yang disediakan oleh hospital seperti tv, telefon, faks, radio atau kemudahan seumpamanya. Kit/pek kemasukan dan barang-barang bukan perubatan yang tidak layak (kecuali yuran pendaftaran yang ditanggung semasa dimasukkan ke hospital sahaja) Caj bagi perkhidmatan ini hendaklah dibayar oleh Ahli yang Dilindungi sebelum keluar hospital atau pusat rawatan harian kecuali seperti yang dinyatakan.
27. Terapi fizikal pesakit luar atau fisioterapi tidak dilindungi dan tidak boleh dirujuk oleh doktor biasa. Perkhidmatan ini hanya dilindungi apabila dirujuk oleh doktor pakar dan rawatan hendaklah diperolehi Juru Fisioterapi yang berdaftar. Ahli yang Dilindungi hendaklah mempunyai perlindungan faedah hospital dan surgeri tertakluk kepada had-hadnya.
28. Suntikan pencegahan penyakit kecuali yang dinyatakan di bawah garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia yang digunakan bagi kanak-kanak yang layak sahaja (tertakluk kepada pesakit luar, jika ada).

29. Kos yang ditanggung untuk sumbangan organ badan oleh Ahli yang Dilindungi dan kos pemindahan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya.
30. Pemeriksaan dan rawatan gangguan tidur dan mendengkur.
31. Perbelanjaan yang ditanggung bagi kanta lekap, penggunaan kosmetik/oral/prosedur pembedahan dan sebarang komplikasi yang timbul daripadanya.

Had-had

- Tiada faedah akan dibayar bagi sebarang tempoh kemasukan ke hospital melainkan kemasukan dan semua perkhidmatan khas hospital tersebut telah diberikan dan pembedahan telah dijalankan, jika ada, telah dicadangkan dan mendapat kelulusan daripada doktor bertauliah yang sah.
- Tiada faedah akan dibayar sekiranya kemasukan ke hospital yang menjadi asas tuntutan tersebut tidak berkaitan dengan diagnosis dan rawatan bagi keadaan tersebut di mana kemasukan ke hospital diperlukan oleh doktor yang merawat.
- Tiada faedah akan dibayar bagi caj, yuran atau perbelanjaan yang tidak disebutkan di dalam Deskripsi Faedah-Faedah seperti di dalam Sijil.

Syarat-Syarat Khas

Syarat-syarat berikut akan digunapakai kepada semua Ahli yang Dilindungi dan tanggungan mereka, jika ada:

- Tempoh Menunggu
Kelayakan bagi faedah bermula daripada 30 hari selepas Ahli yang Dilindungi didaftar masuk, kecuali perlindungan kemalangan yang terjadi selepas tarikh berkuatkuasa perlindungan.
- Penyakit-penyakit yang Khusus
Tiada faedah-faedah yang akan dibayar bagi kemasukan ke hospital, pembedahan dan/atau caj yang ditanggung yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung dari Penyakit-penyakit yang khusus dan komplikasi-komplikasi yang berkaitan dengannya.
"Penyakit-penyakit yang Khusus" bermaksud kehilangan upaya yang berikut dan komplikasi-komplikasi yang berkaitan dengannya, yang timbul dalam tempoh 120 hari yang pertama bagi perlindungan Takaful untuk Ahli yang Dilindungi:
 - Hipertensi, diabetes mellitus dan penyakit kardiovaskular
 - Kesemua jenis tumor, kanser, pundi, bengkak pada nodul, ketumbuhan kecil, batu karang bagi sistem air kencing dan sistem biliari (hempedu).

- iii) Kesemua penyakit-penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak.
- iv) Hernia, haemoroids, fistula, penyakit angina pasang, bengkak urat di saluran penghasilan sperma.
- v) Endometriosis termasuk penyakit pada sistem reproduktif.
- vi) Gangguan spina tulang belakang (termasuk cakera) dan keadaan lutut.

GTT

Faedah-faedah tidak akan dibayar sekiranya:

- Kematian pekerja yang dilindungi akibat bunuh diri dalam tempoh 6 bulan dari tarikh berkuatkuasa Takaful pekerja secara individu.
- Syarat-syarat pra-wujud bagi Ahli yang Dilindungi menerima rawatan, diagnosis, perundingan atau dadah perubatan yang ditetapkan dalam tempoh 90 hari sebelum tarikh kuat kuasa perlindungan dan kehilangan upaya itu bermula dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh berkuat kuasa perlindungan Ahli.

Kehilangan Upaya Kekal Menyeluruh (Sebab Semua) Kehilangan Upaya Kekal Sebahagian (Sebab Semulajadi) Kehilangan Upaya Kekal Sebahagian (Sebab Kemalangan)

Faedah di bawah Fasal ini tidak akan dibayar bagi yang berikut:

- a) Bunuh diri, kecederaan pada tubuh yang disengajakan atau sebarang cubaan melakukannya, ketika siuman atau tidak siuman;
- b) Peperangan, yang diisytihar atau tidak diisytihar, revolusi atau sebarang operasi-operasi menyerupai peperangan;
- c) Melanggar atau cubaan melanggar undang-undang atau mengelak tangkapan;
- d) Menyertai, mengendali atau menyelenggara, menunggang di atas atau di dalam, menaiki atau menuruni daripada atau dengan peranti aerial, atau hantaran kecuali apabila Ahli yang Dilindungi berada dalam pesawat udara yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan sedang dalam perjalanan penumpang berjadual tetap melalui laluan penumpang yang ditetapkan; dan
- e) Penyakit-penyakit pra-wujud dimana Ahli yang Dilindungi menerima rawatan perubatan, diagnosis, khidmat runding atau ubat-ubatan yang dipreskripsikan dalam tempoh 90 hari sebelum tarikh kuat kuasa Takaful dan kecacatan itu bermula dalam tempoh 12 bulan.

Penyakit Membawa Maut

Tiada faedah yang akan dibayar untuk Penyakit Membawa Maut disebabkan oleh:

- Bunuh diri secara percubaan ketika siuman atau tidak siuman dan sama ada secara sah atau tidak sah, kecederaan badan yang disengajakan diri, kelakuan tidak senonoh oleh Ahli Dilindungi, atau apabila Ahli Dilindungi sengaja mendedahkan dirinya kepada bahaya yang tidak perlu, atau
- Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), atau
- Ahli Dilindungi terlibat dalam memburu, mendaki gunung, penerbangan (kecuali sebagai penumpang berbayar dengan penerbangan komersial), tentera laut, tentera atau perkhidmatan aeronautik atau perlumbaan (selain daripada perlumbaan jalan kaki) bagi apa-apa jenis, atau peperangan, rusuhan, pemberontakan, penderhakaan, kekacauan awam, letupan senjata peperangan, aktiviti berkaitan keganasan, perang nuklear, peperangan / aktiviti biologi dan kimia, atau
- radiasi atau pencemaran radioaktif daripada sebarang sumber; atau
- berada di bawah pengaruh dadah, narkotik, atau alkohol.

Penyakit Kritikal

Tiada faedah yang akan dibayar jika **Diagnosis Penyakit Kritikal Ahli Dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau sebarang Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV).**

Syarat-syarat Khas

- Hanya satu pembayaran yang akan dibuat (iaitu tiada pembayaran kedua sekiranya Penyakit Kritikal berulang lagi atau atas diagnosis Penyakit Kritikal yang lain).
- Tiada faedah akan dibayar kepada Ahli yang Dilindungi yang pada sebelum permulaan Sijil ini telah menghidap Penyakit Kritikal atau telah mendapatkan nasihat perubatan yang berkaitan dengan sebarang Penyakit Kritikal yang dilindungi.
- Akan terdapat tempoh menunggu selama 30 hari dari tarikh berkuatkuasa Takaful Ahli yang Dilindungi kecuali yang berikut, yang mana tertakluk kepada tempoh menunggu selama 60 hari. Tiada faedah yang akan dibayar jika Ahli yang Dilindungi telah didiagnosis mempunyai Penyakit Kritikal seperti yang diiktirafkan di dalam tempoh ini:
 - i) Kanser
 - ii) Serangan Jantung
 - iii) Penyakit Arteri Koronari Serius
 - iv) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari

Soalan & Jawapan

S: Siapakah yang layak untuk perlindungan ini?

J: Semua pekerja sepenuh masa dan bekerja secara aktif (dibawah umur 65 tahun), didalam kelas pekerjaan 1 hingga 4 adalah layak untuk perlindungan GHS dan GTT

Pasangan pekerja (dibawah umur 65 tahun) dan anak-anak yang belum berkahwin (yang berumur lebih 14 hari tetapi dibawah umur 19 tahun, atau umur 23 tahun sekiranya masih melanjutkan pelajaran sepenuh masa, dan bukan seorang yang bekerja dengan bergaji) adalah layak untuk perlindungan Perubatan (asas dan pilihan) sahaja.

S: Bagaimanakah caranya saya mendaftar syarikat saya untuk A-SME Platinum-i?

J: Lengkapkan Borang Permohonan Kumpulan (Borang A) dan Borang Pendaftaran/Pertukaran (Borang B). Selepas penyerahan borang yang lengkap, sila buat pembayaran caruman. Perlindungan bagi syarikat anda akan berkuatkuasa selepas pengesahan AIA PUBLIC, tertakluk kepada bukti-bukti Pelindungan Takaful yang memuaskan.

S: Adakah terdapat borang-borang lain untuk dilengkapkan/keperluan lain yang perlu dipenuhi?

J: Untuk faedah GTT, kesemua pekerja dikehendaki untuk melengkapkan Borang Perakuan Kesihatan Peribadi (Borang C) dalam situasi berikut:

- 1) Bilangan pekerja sama atau kurang daripada 10 orang; atau
- 2) Jumlah yang dilindungi lebih daripada RM200,000

Walau bagaimanapun, untuk Faedah GHS, Borang C yang lengkap hanya diperlukan untuk syarikat-syarikat dengan bilangan 10 orang pekerja atau kurang.

S: Apakah yang akan terjadi sekiranya pekerja itu meletak jawatan atau terdapat pekerja baru?

J: Apabila seseorang pekerja meletak jawatan, sila serahkan Borang B (Borang Pendaftaran/Pertukaran dan emelkan kepada mymbrupdate@aia.com atau hubungi ejen anda. Apabila menerima borang ini, kami akan membayar balik caruman secara pro-rata. Begitu juga dengan pendaftaran pekerja baru, sila serahkan Borang B. Apabila menerima borang ini, kami akan membuat caj caruman secara pro-rata.

S: Bolehkah saya menukar/menaikkan taraf faedah-faedah pekerja saya?

J: Ya, penukaran/menaikkan taraf faedah-faedah boleh dilakukan pada ulangtahun Sijil dan ianya tertakluk kepada penerimaan kami.

S: Apakah yang dimaksudkan dengan kecemasan?

J: Kecemasan adalah bermaksud rawatan yang diperlukan didalam keadaan dimana rawatan perubatan serta-merta diperlukan dalam tempoh 12 jam bagi kecederaan, penyakit atau simptom yang tiba-tiba dan tenat yang boleh mengancam nyawa (misalnya, kemalangan dan serangan sakit jantung), atau membawa kepada kemerosotan kesihatan yang ketara.

S: Adakah A-SME Platinum-i menyediakan perlindungan di luar negara?

J: Ya, semua faedah-faedah boleh digunakan di seluruh dunia 24 jam sehari. Walau bagaimanapun, jika Ahli/tanggung yang Dilindungi memilih untuk dirujuk oleh doktor yang merawat untuk mendapatkan rawatan di luar Malaysia, bayaran faedah-faedah akan tertakluk kepada caj yang munasabah dan biasa dan keperluan perubatan yang bersamaan dengan rawatan di dalam Malaysia dan tidak termasuk kos pengangkutan bagi ke tempat rawatan.

S: Apakah terma-terma dan syarat-syarat bagi perkhidmatan Surat Jaminan (SJ)?

J: Perkhidmatan SJ akan disediakan sebagai pilihan untuk kes-kes dengan caruman GHS melebihi RM10,000. Sila ambil perhatian bahawa caruman GHS bagi Kemasukan ke Hospital dengan menggunakan perkhidmatan SJ adalah lebih tinggi berbanding dengan caruman GHS bagi Kemasukan ke Hospital tanpa perkhidmatan SJ.

Jadual Caruman Tahunan (RM)

Takaful Penghospitalan & Pembedahan Berkumpulan (GHS)

ASAS: Kemasukan ke Hospital		Kakitangan Sahaja (RM)	Kakitangan & Pasangan (RM)	Kakitangan & Anak-Anak (RM)	Kakitangan & Keluarga (RM)
Pelan 500	Tanpa SJ	3,385.00	8,462.50	8,462.50	13,540.00
	Dengan SJ	3,585.00	8,962.50	8,962.50	14,340.00
Pelan 350	Tanpa SJ	2,305.00	5,762.50	5,762.50	9,220.00
	Dengan SJ	2,410.00	6,025.00	6,025.00	9,640.00
Pelan 230	Tanpa SJ	1,305.00	3,262.50	3,262.50	5,220.00
	Dengan SJ	1,390.00	3,475.00	3,475.00	5,560.00
Pelan 160	Tanpa SJ	720.00	1,800.00	1,800.00	2,880.00
	Dengan SJ	795.00	1,987.50	1,987.50	3,180.00
Pelan 120	Tanpa SJ	565.00	1,412.50	1,412.50	2,260.00
	Dengan SJ	630.00	1,575.00	1,575.00	2,520.00
Pelan 80	Tanpa SJ	355.00	887.50	887.50	1,420.00
	Dengan SJ	395.00	987.50	987.50	1,580.00

Pilihan: Penjagaan Pesakit Luar	Pilihan 1 (RM)	Pilihan 2 (RM)
Caruman Tahunan Setiap Ahli/Tanggung Yang Dilindungi	781.00	649.00

Takaful Bertempoh Berkumpulan (GTT)

Lingkungan Umur (Hari Lahir Terakhir)	Kadar Caruman setiap RM 1,000 daripada Jumlah yang Dilindungi Asas, KUKM & KUKS (RM)	Kadar Caruman setiap RM 1,000 daripada Jumlah yang Dilindungi Asas, KUKM, KUKS & PK (50% GTT) (RM)
16-20	1.44	1.66
21-25	1.44	1.72
26-30	1.44	1.86
31-35	1.44	2.13
36-40	1.91	3.01
41-45	3.11	5.02
46-50	5.51	8.62
51-55	9.61	14.29
56-59	15.77	22.10
60-64	24.97	33.37
65-69 (pembaharuan sahaja)	38.51	NA

GHS atau GTT – Rider Pilihan

Saringan Eksekutif	88.00
Caruman Tahunan setiap Ahli/Tanggung yang Dilindungi (RM)	

Nota:

KUKM – Kehilangan Upaya Kekal Menyeluruh, KUKS – Kehilangan Upaya Kekal Sebahagian, PK – Penyakit Kritikal, SJ – Surat Jaminan, NA – Tidak Berkaitan

- Kadar caruman adalah berdasarkan kepada tarikh permulaan Sijil dan tarikh kelahiran individu. Sekiranya perbezaan kurang daripada 6 bulan, umur yang lebih rendah akan digunakan. Jika tidak, umur yang lebih tinggi akan digunakan untuk perbezaan bagi 6 bulan dan ke atas.
- Kadar caruman tidak dijamin dan mungkin disemak semula. Kami berhak menyemak semula kadar caruman yang seajarnya pada tarikh pembaharuan Sijil.
- Kami berhak memperbaharui Sijil dengan mengubah kenaikan kadar caruman atau tidak memperbaharui Sijil berdasarkan tuntutan yang terdahulu dan/atau dalam keadaan lain yang munasabah. Segala keadaan yang dinyatakan tidak menyeluruh.
- Pembayaran caruman adalah secara tahunan.
- Perkhidmatan SJ akan disediakan kepada pelanggan-pelanggan dengan caruman GHS yang melebihi RM 10,000. Sila ambil perhatian bahawa caruman GHS bagi Kemasukan ke Hospital dengan menggunakan perkhidmatan SJ adalah lebih tinggi berbanding dengan caruman GHS bagi Kemasukan ke Hospital tanpa perkhidmatan SJ.
- Permohonan baru untuk perlindungan Takaful oleh pemegang Sijil terdahulu yang telah menamatkan Sijil mereka dalam tempoh 3 tahun, akan tertakluk kepada semakan semula dan penerimaan.

Notis Penting untuk Bakal Pemilik Sijil

- Anda perlu memastikan bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan anda bersetuju dengan sumbangan yang perlu di bayar di bawah pelan ini. Sekiranya sumbangan tidak dibayar dalam Tempoh Bertenang selama 30 hari dari tarikh luput, faedah di bawah pelan ini mungkin akan digantung dan / atau dibatalkan.
- Jika Sijil ini dibatalkan dalam tempoh 15 hari tempoh bertenang, caruman penuh selepas ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada) akan dikembalikan semula. Jika caruman tidak dibayar, Sijil anda akan luput selepas tempoh tangguh.
- Sila beri perhatian bahawa pengecualian-pengecualian, had-had, terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam brosur ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil sebenar untuk maklumat terperinci tentang faedah-faedah, pengecualian-pengecualian, terma-terma dan syarat-syarat.
- Anda hendaklah memastikan bahawa maklumat penting mengenai mengenai Sijil ini telah diberikan kepada anda dan anda memahami segala maklumat tersebut. Jika terdapat sebarang kesamaran anda perlu meminta penjelasan daripada kami.
- Ianya tidak menguntungkan untuk bertukar dari satu Sijil kesihatan kepada yang lain, dimana anda akan dirujuk semula kepada garis panduan pengunderaitan bagi tempoh menunggu/penyakit-penyakit pra-wujud di bawah Sijil baru.
- Sila beri perhatian bahawa sebarang kehilangan upaya disebabkan kecederaan dalam tempoh bekerja, dimana Ahli yang Dilindungi telah menerima faedah dibawah Ordinan Pampasan Pekerja, PERKESO atau undang-undang seumpamanya, kami tidak akan menanggung sebarang caj yang dikenakan kecuali faedah-faedah yang diterima tidak melindungi sepenuhnya caj yang ditanggung, yang mana dilindungi di bawah Sijil ini.
- Sila beri perhatian bahawa jika Ahli yang Dilindungi telah menerima Takaful perubatan atau pelan kerajaan yang lain, kami tidak akan menanggung sebarang caj yang dikenakan kecuali faedah-faedah yang diterima tidak melindungi sepenuhnya caj yang ditanggung, yang mana dilindungi di bawah Sijil ini.
- Maklumat yang disertakan adalah tepat pada tarikh percetakan.
- Sijil ini tidak menyediakan amaun faedah daripada dana-dana tertentu di atas pembatalan, kematangan atau keluputan Sijil ini.

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan mengikut kadar semasa ke atas caruman yang perlu dibayar ke atas pelan asas dan rider-rider (dimana berkenaan) sijil anda.

Brosur ini hanya mengandungi penerangan ringkas produk dan tidak menyeluruh. Anda disarankan untuk meminta salinan Helaian Pendedahan Produk untuk mengetahui lebih lanjut mengenai produk ini. Untuk penjelasan terperinci tentang faedah, pengecualian, terma dan syarat, sila rujuk kepada Sijil Induk.

(Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)
(This page is intentionally left blank)

A-SME Platinum-i

Care • Protection



